

SUKIPT 2024 disingkap meriah

Oleh **Izzali Ismail** - September 8, 2024 @ 12:27pm
bhsukan@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud (lima, kanan) bergambar bersama peserta selepas merasmikan Sukan Institusi Pendidikan tinggi 2024 (SUKIPT) di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini malam tadi. - BERNAMA

SINTOK: Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini disingkap meriah malam tadi.

Majlis perasmian temasya sukan dwitahunan ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud dan turut dihadiri Naib Canselor UUM Datuk Dr Mohd Foad Sakdan.

SUKIPT yang bermula Jumaat lalu hingga Sabtu ini menampilkan 73 kontinjen dengan 6,058 atlet akan bertanding dalam 28 acara sukan di 23 gelanggang pertandingan bagi merebut 231 pingat emas.

Penyertaan kontinjen IPT terdiri daripada 20 universiti awam, 46 universiti swasta, satu politeknik, satu kolej komuniti dan lima institut pendidikan guru (IPG).



Perarakan masuk peserta kejohanan pada perasmian Sukan Institusi Pendidikan tinggi 2024 (SUKIPT) di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini malam tadi. - BERNAMA

Mustapha berkata, usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menganjurkan SUKIPT membuktikan sokongan pihaknya dalam mempertingkatkan lagi pembangunan serta mutu sukan di negara ini.

"SUKIPT merupakan medan kepada pencarian serta untuk persediaan atlet pelapis di peringkat IPT untuk bersaing di temasya sukan yang lebih besar dan berprestij seperti Sukan Universiti ASEAN (AUG) dan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE).

"Saya yakin bahawa kesemua 74 kontinjen yang bertanding dan keterlibatan kira-kira 1,500 orang pegawai, akan menjanjikan semangat kesukaran yang tinggi," katanya dalam ucapan perasmianya.

Mustapha berkata pihaknya berharap lebih banyak rekod kejohanan dapat dileburkan pada temasya kali ini.



Perarakan masuk obor kejohanan pada perasmian Sukan Institusi Pendidikan tinggi 2024 (SUKIPT) di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini malam tadi. - BERNAMA

"Sebanyak 46 rekod kejohanan dipecahkan pada SUKIPT 2022. Jadi, saya ingin mencabar atlet yang bertanding untuk mengatasi jumlah itu termasuk memecahkan rekod kebangsaan," katanya.